

Benteng tandak runtuh lepas banjir

Petani terjejas, tidak dapat teruskan penanaman jagung

ZUMURNI HAMZAH

MACHANG - Lebih 10 petani di sini terpaksa menangguhkan kerja penanaman jagung apabila benteng air yang dibina di sungai berdekatan roboh akibat banjir, baru-baru ini.

Benteng tersebut memainkan peranan besar untuk menakung air seterusnya menyalurkannya ke ladang melalui parit berdekatan.

Lebih dikenali sebagai tandak dalam kalangan penduduk, petani bergantung kepada sumber air tersebut untuk kerja-kerja pertanian di ladang mereka.

Petani, Mat Jais Muda berkata, kerja membajak telah dilaksanakannya dan beberapa rakan Januari lalu, tapi kerja penanaman jagung tidak dapat diteruskan akibat banjir.

Katanya, ladang yang terletak berdekatan Sungai Kelantan itu mudah dinaiki air setiap kali musim banjir dan biasanya pada musim tengkujuh, ladang mereka tidak diusahakan.

"Biasa bila Januari, kami mula

tanam tapi banjir kali ini agak berbeza bila bermula Januari.

"Lepas beberapa kali banjir pada Januari, benteng yang dibina agensi berwajib roboh menyebabkan parit yang menjadi sumber air petani tak dapat berfungsi dengan baik," katanya semalam.

Kata Mat Jais, pada mulanya petani di kawasan itu bercadang membaiki sendiri benteng tandak yang runtuh secara bergotong-royong, namun selepas banjir pada hujung Januari lalu, kerosakannya makin teruk dan tidak mampu dibaiki dengan tenaga manusia.

Petani, Owi Eng Cheong berkata, banjir baru-baru ini juga menyebabkan kawasan ladangnya berlumpur dan terpaksa menunggu masa lama untuk memulakan kerja-kerja penanaman.

Katanya, jika bekalan air di kawasan ladang bermasalah, ia akan menjejaskan kerja pertanian di kawasan itu sekali gus menyebabkan petani mengalami kerugian.

Sementara itu, Penolong

Pegawai Pertanian Machang, Mohd Zawawi Shafii berkata, untuk jangka pendek, pihaknya dan petani bergotong-royong membina benteng sementara di kawasan sungai dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Jajahan Machang.

Katanya, pembinaan benteng pasir tersebut bertujuan membantu petani menyejatkan kerja penanaman sekali gus mengelakkan pendapatan mereka terjejas.

Tambahnya, pihaknya mengambil berat permasalahan petani dan sentiasa berbincang bersama mereka bagi sama-sama mengatasi masalah yang timbul.

"Keperluan petani ini juga akan dibincangkan pada mesyuarat bersama agensi lain bagi sama-sama mencari jalan penyelesaian bagi membantu masalah petani di Paloh Rawa untuk jangka masa panjang.

"Kawasan pertanian berdekatan Sungai Kelantan tersebut menyumbang pelbagai hasil tani termasuk jagung, sayur-sayuran dan betik," katanya.



Benteng tandak yang dibina di sungai berdekatan kawasan ladang petani di Paloh Rawa runtuh akibat banjir, baru-baru ini.



Petani dan Mohd Zawawi (kiri, dua) berbincang mengenai tindakan segera yang boleh dilakukan dalam usaha membantu petani di Paloh Rawa, semalam.